

Jilid I
Bil. 34



Hari Rabu
28hb Julai, 1971

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA
First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 3881]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Arkib Negara (Pindaan) [Ruangan 3900]

Rang Undang² Kawalan Sewa (Pindaan) [Ruangan 3905]

Rang Undang² Perubatan [Ruangan 3920]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Rabu, 28hb Julai, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri dengan Tugas² Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelevu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.P.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

Yang Berhormat TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Berhormat TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

Yang Berhormat TUAN SU LIANG YU (Bruas).

- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PETRA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M.,
P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.
(Melaka Tengah).

- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).

- Yang Berhormat TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berpotfolio, Yang Berbahagia TAN SRI ONG YOKE LIN, P.M.N. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

LAPANGAN TERBANG PULAU LANGKAWI—LUAS EKAR

1. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapa ekar luas-nya Lapangan Terbang Pulau Langkawi dan jumlah wang yang di-gunakan untuk membena lapangan terbang itu.

Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, luas kawasan Lapangan Terbang Pulau Langkawi ia-lah 29 ekar, dan 37.66 pol dan perbelanjaan membena lapangan tersebut berjumlah \$366,815.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apa-kah agaknya kegunaan lapangan kapalterbang Pulau Langkawi itu di-benakan?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, padang kapalterbang ini ada-lah di-bena di-atas sa-buah landasan padang kapalterbang yang di-punyaĩ oleh

askar pada mula²-nya dan chuma kita perbaiki sahaja dengan tujuan-nya ada-lah untuk menampung keperluan pelanchong² yang mungkin tertarek dengan kechanteakan Pulau Langkawi itu.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah tidak Menteri yang berkenaan sedar bahawa untuk kegunaan penduduk² Pulau Langkawi pun patut digunakan padang kapalterbang itu.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya sa-belum tahun 1964 perkhidmatan kapalterbang telah pun di-adakan di-situ, tetapi di-sebabkan penumpang²-nya tersangat sedikit, kita terpaksa berhentikan perkhidmatan tersebut, tetapi bila sudah ada keperluan-nya, Kerajaan atau pun MAL akan menimbangkannya.

WARGANEGARA MALAYSIA— MEWAJIBKAN LATEHAN TENTERA

2. **Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untuk mewajibkan tiap² warganegara Malaysia mengikut latehan tentera.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Dato' Yang di-Pertua, buat sementara ini. Kerajaan tidak berchadang mewajibkan latehan tentera untuk tiap² warganegara. Kekuatan pasokan² keselamatan ada-lah di-anggap menchukupi untuk menentang anchaman² yang di-hadapi oleh negara sekarang.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa banyak penduduk² atau pun ra'ayat Malaysia sekarang ini ingin mengetahui chara tembak menembak, chara guna itu dan chara guna ini? Ada-kah Kementerian yang berkenaan ingin menolong ra'ayat belajar chara mana menembak bagitu dan bagini untuk mempertahankan negara-nya kalau sampai masa-nya yang di-hajati nanti.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat tanya sedar, jawapan-nya sedar-lah.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, in view of the stress in the Second Malaysia Plan of the danger of identification of race with the economic function, does the Government also accept the thesis of the danger of the indentification of race with any military function?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta tolong Yang Berhormat chapak perlahan² sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: I repeat the question then. Sir, in view of the stress in the Second Malaysia Plan of the danger of any identification of race with economic function, whether the Government also accepts that it is dangerous to have any identification of race with the military function?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab-nya, saya rasa di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua tidak ada apa² yang di-bangkitkan oleh Yang Berhormat itu yang boleh mengatakan merbahaya di-atas apa yang di-sebutkan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. I am shocked that the Honourable Minister does not know what the Second Malaysia Plan states in the first place. It is very clearly stated in the Plan of the danger of any identification of race with economic function. Sir, pursuing this point in the Plan, whether the Government also accepts that it is dangerous to have any identification of race with military function—unless he says that he has not read the Malaysia Plan himself.

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Dato' Yang di-Pertua, izinkan saya berchapak dalam bahasa Inggeris supaya Ahli Yang Berhormat faham. Nampak-nya Ahli Yang Berhormat tidak faham.

(*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, in the Second Five-Year Plan, there is nothing at all for the purpose of which the Government is aiming towards identification of race, and I do not think that what the Honourable Member is thinking about really envisaged the danger of which the Government is really intending. I do not think at all that the circumstances of which the Honourable Member is thinking will at the end be faced in the circumstances that we are aiming at in our Second Five-Year Plan.

Tuan Musa bin Hitam: Soalan tambahan, ada-kah pehak Kerajaan sedar bahawa sungguh pun pehak Kerajaan sendiri tidak memandang kedudukan military di-dalam negara ini dari segi perkauman, ada anasir² di-dalam negara ini yang chuba menggunakan kedudukan ini untuk kepentingan perkauman mereka?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ta' suka-lah membinchangkan di-dalam perkara ini, dan jikalau ada pun Kerajaan akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya untuk membalas balek apa² ranchangan jikalau ada dari segi perkauman.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, I was very shocked and surprised that a simple question could not bring forth a simple answer, and if I may just reduce it into simple terms: the Second Malaysia Plan says it is dangerous to have identification of any race with economic function. My question simply is this: does the Government also accepts that it is dangerous to have any identification of race with military function?

Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail: It is not dangerous as it does not arise.

PEJABAT² POS/TALIKOM—SEBAB² DI-TUTUP HARI JUMA'AT

3. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Kerja Raya Pos, dan Talikom menyatakan berapa buah Pejabat² Pos dan Pejabat² Talikom di-Malaysia Barat yang di-tutup pada hari Juma'at dan mengapa.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, bilangan Pejabat² Pos dan Pejabat² Talikom di-Malaysia Barat yang tutup pada hari Juma'at ada-lah seperti berikut:

(a) Pejabat ² Pos	...	...	...	18
(b) Pejabat ² Taligerap	...	...	...	3

Pejabat² tersebut ada-lah di-tutup pada hari Juma'at oleh kerana sebab² berikut:

- Terafik di-tempat² ini ada-lah paling rendah sa-kali pada hari juma'at;
- Hari Juma'at ada-lah hari kelepaan mingguan di-tempat² ini.

SAWAH RING, MUAR—ANGGARAN MELUASKAN

4. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan sama ada Kerajaan berchadang meluaskan kawasan persawahan di-Sawah Ring, Muar, Johor dan menyediakan kemudahan² parit dan taliayer yang sesuai bagi kawasan tersebut; jika ya, terangkan jumlah perbelanjaan yang di-anggarkan bagi projek parit dan taliayer tersebut, luas kawasan yang terlibat mengikut ekar dan bila-kah projek itu akan di-mulakan.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, Ranchangan Perayeran Sungai Ring ada-lah di-anggarkan memakan belanja \$3 juta. Sa-banyak \$2.5 juta akan di-belanjakan di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua bagi mengadakan kemudahan² perayeran dan saloran untuk sa-buah kawasan 2,500 ekar sawah (1,000 ekar ia-lah kawasan yang sedia ada dan 1,500 ekar bakal kawasan sawah) letak-nya di-antara Jalan Bukit Gambir/Grisek dan Jalan Bukit Gambir/Kampung Sengkang Batu. Satu lagi kawasan sa-luas 2,500 ekar yang sekarang ini di-liputi hutan gelam berpayah akan di-salorkan dan di-sediakan untuk tujuan² pertanian, di-mana tanaman²-nya ada-lah bergantung kepada kesediaan ayer bagi kawasan Paya Bubok dan juga kawasan Paya Melepong.

Ada-lah di-jangka bahawa ranchangan dan penentuan bagi chadangan² tersebut akan di-siapkan pada penghujung tahun 1971 untuk membolehkan kerja² pembenaan di-lancharkan mulai daripada tahun 1972 jika sa-kira-nya kaki-tangan² yang di-perlukan dapat di-adakan pada tarikh yang tersebut itu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan parit dan taliayer ini juga, satu tempat yang telah di-berikan token vote sa-banyak \$10 dalam Ranchangan Pembangunan, ia-itu sa-buah kawasan kebun baharu yang di-punyaï oleh orang China, yang telah keluar daripada estet, jadi dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini di-sebabkan kesulitan penanam² padi orang² China itu di-berikan keutamaan supaya ranchangan itu dapat di-buat dalam tempoh yang sama dengan Kawasan Sawah Ring tadi?

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat itu lebeh ma'alom ia-itu bila ada peruntukan \$10 ini bermaana ada-lah di-dalam siasatan, di-dalam kajian untok di-selenggarakan. Jadi kalau sa-kiranya Ahli Yang Berhormat itu dapat memberitahu di-mana kawasan-nya, atau dapat berhubung dengan Kementerian saya, menyatakan tempat mana, kawasan mana, dan sa-bagai-nya, insha'Allah saya akan menjalankan siasatan sa-kira-nya wajar, dapat-lah kita laksanakan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, insha'Allah saya akan berikan.

PEJABAT POS TANGKAK/SUNGAI MATI—PEMBENAAN BAHARU

5. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan² Pejabat Pos di-Tangkak dan Sungai Mati usang serta sempit; sama ada Kerajaan berchadang membena bangunan² Pejabat Pos yang baharu pula dan jika ya, bila.

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, ada-lah di-aku¹ bahawa bangunan Pejabat Pos Tangkak memang-lah sempit dan pembenaan sa-buah Pejabat Pos baharu ia-lah di-antara projek² yang di-masokkan di-dalam Rancangan Malaysia Kedua. Tapak yang sesuai sedang di-chari² dan sa-buah bangunan Pejabat Pos baharu akan di-bena sa-telah tapak itu di-perolehi.

Kesesakan yang di-alami di-Pejabat Pos Sungai Mati ia-lah kebanyakan-nya di-sebabkan oleh penduduk² di-Bukit Gambir menggunakan Pejabat Pos ini. Walau bagaimanapun, pembenaan sa-buah bangunan Pejabat Pos baharu di-Bukit Gambir hampir² siap dan akan di-buka di-dalam masa dua atau tiga bulan lagi. Sebaik² sahaja Pejabat Pos di-Bukit Gambir ini di-buka ada-lah di-jangka bahawa kesesakan di-Pejabat Pos Sungai Mati itu akan banyak berkurangan. Sementara itu, peruntukan untok sa-buah bangunan Pejabat Pos baharu di-Sungai Mati telah di-masokkan di-dalam rancangan untok menggantikan bangunan² Pejabat Pos lama yang ada sekarang di-seluruh negeri ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasihlah atas pengumuman yang di-buat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, chuma saya hendak minta satu soalan tambahan, ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa satu kelambatan telah di-lakukan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pejabat Pos dan Talikom ia-itu kelambatan mendirikan bangunan Pejabat Pos Baharu di-Muar, yang sa-patut-nya telah di-dirikan dua tahun sudah, tetapi ini ada satu perkara yang menyebabkan kelambatan itu datang daripada Jabatan² yang saya chakapkan tadi.

Tun V. T. Sambanthan: Ini Soalan yang lain, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Menteri Yang Berhormat kita banyak Pejabat Pos baharu yang telah di-dirikan di-Muar termasuk di-Bukit Gambir, Pagoh dan Gerisek. Bangunan ini telah di-dirikan enam bulan. Kenapa tidak di-gunakan, pada hal tujuan kita mendirikan bangunan ini kerana memberi faedah kepada ra'ayat. Jadi, hal yang sa-macham ini mendatangkan satu kerosakan dan kesulitan kepada bangunan² yang baharu itu. Ada-kah hendak tunggu Menteri rasmikan, baharu boleh di-gunakan bangunan itu? Itu yang saya hendak tahu.

Tun V. T. Sambanthan: Saya akan siasat perkara ini.

SHARIKAT PERKAPALAN MENG-ANGKUT BARANG² IMPOT/EKSEPT

6. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan:

- (a) sharikat perkapalan yang mengikat perjanjian dengan Malaysia untok mengangkut barang² impot dan eksept, apa-kah kesulitan² yang sedang di-alami serta apa langkah² yang telah di-ambil bagi mengatasi masalah² tersebut; dan
- (b) apa-kah kemajuan yang telah tercapai hasil daripada perjanjian yang telah di-buat untok menggunakan kapal² Russia.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Speaker,

- (a) Kerajaan kita tidak ada mengikat perjanjian perkapalan dengan sa-barang sharikat perkapalan atau pun membuat

perjanjian perkapalan yang berasingan dengan mana² negeri. Peratoran² perkapalan yang di-buat oleh Kerajaan dengan beberapa negeri ada-lah mengikut peratoran² yang memang menjadi sa-bahagian daripada perjanjian² perdagangan yang ada. Oleh yang demikian sa-barang sharikat perkapalan ada-lah di-benarkan membawa barang² untuk kapal mereka.

(b) Kerajaan Malaysia belum lagi ada apa² perjanjian perkapalan dengan Russia setakat ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Ada-kah pengeksport getah Malaysia dan Singapura memulaukan sharikat perkapalan yang menjadi anggota Persatuan Pertambangan Timor Jauh untuk membalas sikap sa-wenang² sharikat ini menaikkan tambang-nya kepada bahan² yang hendak di-angkut, di-pungkah daripada negeri kita ini?

Tuan Mohamed Khir Johari: Kita tidak boycott kapal² yang di-bawah jagaan F.E.S.C. itu, kerana kita belum lagi chukup kapal² kita sendiri. Walau bagaimana pun pehak Kerajaan kita dan bagitu juga saya faham Kerajaan Singapura sedang mengambil tindakan² untuk membantu pedagang² kita supaya dapat kapal² charter untuk menambahkan lagi kemudahan kepada apa yang ada sekarang ini.

Tuan Walter Loh Poh Khan: (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister state that is it not a fact that the return maiden voyage of our first Malaysian ship was empty, the whole ship was empty except carrying our own military equipment. If that is the case, what steps in future will the Honourable Minister take in order that on return trips there will be enough goods to be carried by our own ships so that we can make a profit.

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Sir, that is what I would say B.S. (*Ketawa*) B.S. means "bull-shit". (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Sharikat Perkapalan Antarabangsa memang di-monopoli oleh Sharikat Perkapalan Kuasa² Besar dan dengan ini maka menjadi satu tekanan kepada negeri kita yang baharu membangun. Ada-kah Kerajaan sedia membawakan perkara ini

kapada Majlis Antarabangsa dalam Perkapalan dan Perdagangan supaya sharikat perkapalan itu berlaku adil terutama sa-kali kapada negeri² yang baharu membangun?

Tuan Mohamed Khir Johari: Pehak Kerajaan kita telah pun membawa perkara ini dalam beberapa meshuarat antarabangsa termasuk meshuarat UNCTAD di-Geneva dan kita perchaya dengan ada-nya tekanan atau pun pressure daripada negeri² yang sedang membangun, maka tokeh² kapal itu akan dapat melembutkan sedikit sikap mereka itu terhadap kita.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) Sir, I did not know that "bull-shit" has been honoured to become a parliamentary term. I will ask the Honourable Mr Speaker to ask the Honourable Minister to withdraw the term. Anyway my question is

Tuan Yang di-Pertua: He did not use that word. He merely use the initials to the word. Perhaps fearing that I may not understand, for my benefit he explained. (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Is that a parliamentary term so that we can make use of it on other occasions?

Tuan Yang di-Pertua: B.S. could mean any term.

Tuan Lim Kit Siang: Oh, I see. So we shall do the same thing next time. Sir, the question I want to ask is, can the Honourable Minister tell the House what has happened to the two ships which the Japanese Government has consented to present in compensation for the atrocities they had done during the Japanese Occupation, whether they have been received, and if so, what has happened to them? They are in commission, or what?

Tuan Mohamed Khir Johari: Well, the Honourable Member, I am afraid, is out of date. I would ask the Honourable Member to do a little bit of homework and read the *Hansard*.

Tuan Lim Kit Siang: Sir, the question is

Tuan Yang di-Pertua: What question? You have been asked to read the *Hansard*. Have you read it? (*Ketawa*).

Tuan Lim Kit Siang: Well, can the Honourable Minister refer to me which *Hansard* he is referring to, because there is quite

a "tomb" of them The question is, what has happened to those ships? Are they in service or are they are in mothballs?

Tuan Mohd. Khir Johari: This question has been answered by my colleague the Minister of Transport in his reply to one of the questions which had been put forward to him. So I do not think I should do the Honourable Member's homework for him.

TEKSI²/LORI²/TREKTER²—BILANGAN DI-PUNYAI

7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan teksi², lori² dan trekter² yang ada dalam negeri ini; berikan angka yang di-punyai oleh orang Melayu dan bukan Melayu;
- (b) bilangan teksi², lori², trekter² yang di-jalankan mengikut sistem Ali Baba dan apa-kah langkah² yang telah di-jalankan oleh Kementerian untuk menghapuskan sistem ini.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) (i) bilangan lesen teksi/kereta sewa ada-lah seperti berikut:

Melayu	3,500
Champoran (Melayu dan bukan Melayu)	475
Bukan Melayu	2,267

- (ii) bilangan lesen membawa termasuk lori, van dan trekter yang menarek trailer sa-hingga 31hb Mei, 1971 ia-lah:

Jenis Lesen	Melayu	Champoran (Melayu dan Bukan Melayu)	Bukan Melayu
A ...	276	490	3,119
B ...	445	54	1,742
C ...	1,918	198	34,703

- (b) Ada-lah sukar hendak menyatakan dengan tepat-nya bilangan teksi², lori dan trekter² yang di-jalankan sa-chara Ali Baba oleh kerana kepastian hendak-lah di-buat terlebih dahulu dengan mendapat kenyataan² dan keterangan² bagi mengesahkan perlibatan kereta² itu sa-chara Ali Baba. Walau bagaimana pun perkara ini ada-lah dalam perhatian

dan di-mana pengesahan telah di-dapati maka tindakan telah pun di-ambil. Di-antara bulan Januari 1970, hingga bulan April 1971, bilangan teksi dan lain² yang telah di-ambil tindakan ka-atas-nya sebab di-jalankan sa-chara Ali Baba ada-lah seperti berikut:

	Di-batalkan	Di-gantong
Lori/Trekter/Van	13 ...	12
Teksi/kereta sewa	7 ...	1
	20 ...	13

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ada membuat satu usaha untuk tuan² punya lesen teksi atau pun lori² ini tidak menjalankan perusahaan sa-chara Ali Baba?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Saya tidak berapa faham soalan-nya

Tuan Yang di-Pertua: Saya lagi ta' faham (Ketawa).

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Pengangkutan ada membuat satu jalan atau pun satu chara supaya pemegang² lesen teksi, atau pun lori ini tidak menjalankan chara Ali Baba. Maksud saya bukan sa-chara dengan tindakan mengambil atau pun meng-gantong.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, undang² kita, undang² lalu-lintas kita pada waktu ini memang tidak membenarkan sa-siapa pun meng-Ali Babakan lesen dia. Dan usaha² kita sedang kita jalankan untuk menahankan mereka itu daripada membuat demikian ia-itu meng-Ali Babakan lesen mereka, tetapi nampak-nya usaha kita pada waktu ini belum begitu menchukopi. Jadi kita sedang berusaha lagi bagaimana menchari jalan untuk memperbaiki lagi jalan supaya Ali Baba ini kita "reduced to the minimum."

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan khabarkan apa antara usaha²-nya yang telah di-jalankan itu?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya terangkan,

tadi usaha itu saya sedang jalankan dan mana yang ada pada waktu ini kita sudah pun ambil tindakan.

Dr Chen Man Hin: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, will the Honourable Minister of Transport please tell this House whether the Ministry has a system to ensure that the licences given to taxi applicants should only be given to people who have no other taxi licences?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: (Pause).

Dr Chen Man Hin: Saya chuba. Ada-kah Minister of Transport satu sistem boleh beri lesen kepada pemohon² teksi yang tiada lesen dahulu?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, kita ada mempunyai atoran tetapi kalau kita katakan sama sa-kali tidak boleh kerana kita beri lagi kepada orang yang sudah ada lesen umpama-nya dia satu sharikat, atau satu company yang sudah ada menjalankan dan dia punya perniagaan ada baik, memuaskan, dia minta tambah, itu mesti-lah kita timbangkan. Kalau kita katakan ta'boleh sama sakali di-tambah, ini pun ta' boleh jadi juga. Ini kita ikut mana yang di-fikirkan paling baik sa-kali.

Tuan Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar yang bahawa di-sa'at yang akhir² ini permit² teksi di-keluarkan dengan tidak lebeh dahulu di-iklankan kepada orang ramai?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Biasanya kita iklankan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada juga yang tidak di-iklankan, kalau di-fikirkan kita perlu keluaran dengan serta-merta.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Apa-kah benar kata² orang ramai yang sekarang ini pehak Kementerian Pengangkutan telah pun mengeluarkan permit² teksi istimewa dengan chara permit untuk UMNO 10, permit untuk MCA 5, permit untuk MIC 2. Chara-nya ia-lah dengan bersharikat atau pun apa yang membolehkan permit itu di-keluarkan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Tuan Ramli bin Omar: Soalan tambahan. Ada-kah benar dasar Kementerian ini hendak menimbangkan permit² A lori di-antara bukan Melayu dengan bumiputra yang mana permit² lori ini di-gantong pada masa ini dan permit² itu akan di-keluarkan melalui MARA?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan-nya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang lagi sa-kali.

Tuan Ramli bin Omar: Ada-kah benar dasar Kementerian ini ia-itu hendak menimbangkan permit A lori ia-itu permit ini di-antara orang bukan Melayu dengan bumiputra dan permit² ini hendak di-keluarkan menerusi MARA?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Pada waktu ini kita sedang menimbangkan suatu amendment kepada Undang² Lalu-lintas kita dan di-mana kita akan memakai suatu sistem yang baharu. Lesen² ini tidak-lah akan tentu di-keluarkan kepada MARA sahaja. Ada juga yang di-keluarkan kepada individual mana yang di-fikirkan perlu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan memberitahu, kenapa permit² lori A dan B kurang benar di-keluarkan kepada orang² Melayu?

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ini soalan lain, Tuan Yang di-Pertua.

INSTITIUT LATEHAN PERUSAHAAN— BILANGAN DI-LATEH

8. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) bilangan mereka yang telah di-lateh di-Institiut Latehan Perusahaan, Kuala Lumpur dengan memberi angka² menurut bangsa;
- (b) bagaimana-kah harapan mengenai pekerjaan sa-telah tamat latehan di-Institiut ini;
- (c) bilangan pengajar²;
- (d) kursus² yang di-ajar dan lain² kursus yang di-ranchang akan di-ajar di-Institiut itu.

Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tuan Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, bilangan mereka yang telah dilatih di-Institusi Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur dengan memberi angka² menurut bangsa. Bilangan pelatih yang dilatih di-Institusi Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur menurut bangsa ada-lah sa-bagai berikut:

(i) *Ranchangan Perantisan Negara—*

Jumlah pelatih yang menamatkan 4-5 tahun latihan (dari 1957 sampai Jun 1971) ... 1,007

Angka² Pechahan:

Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
351	454	181	21	1,007

(ii) *Kursus Ketukangan Persediaan—(lama kursus—22 minggu)*

Jumlah pelatih yang tamat latihan (dari 1968 sampai Jun 1971) ... 770

Angka² Pechahan:

Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
417	187	154	12	770

(iii) *Kursus Teknik Pengajaran—*

Kursus² pengajaran di-Institusi Latihan Perusahaan (dari 1968 sampai Jun 1971) ... 121

Angka² Pechahan—

Melayu	China	India	Lain ²	Jumlah
41	51	27	2	121

(b) *Bagaimana-kah harapan mengenai pekerjaan sa-telah tamat latihan di-Institusi ini?*

Para Pelatih di-bawah Ranchangan Perantisan Negara

Para pelatih yang tamat latihan di-bawah Ranchangan Negara tidak mempunyai masa-lah kerja. Mengikut peratoran, dari mula-nya mereka masuk menjadi perantis sa-lama 4 tahun (4/5 tahun sa-belum 1-1-70) mereka di-anjorkan oleh majikan masing². Mereka menerima latihan yang lengkap, 75% daripada-nya latihan amali dan 25% ada-lah di-Institusi itu. Para pelatih ini lazim-nya melanjutkan pekerjaan mereka dengan majikan² yang mengatorkan mereka itu.

Program Kursus Ketukangan Persediaan

Program kursus Ketukangan Persediaan mula di-adakan untuk menampung kehendak² lepasan sekolah² yang mula menchari kerja dan memerlukan latihan kemahiran serta juga para penganggor untuk membolehkan mereka memilekki tingkat kemahiran yang tertentu supaya peluang mereka mendapat kerja lebeh besar dan menambah baik kedudukan ekonomi serta sosial mereka. Peluang² para pelatih ini memperoleh kerja ada-lah baik. Dari pengalaman, Kementerian mendapati khidmat² para pelatih ini agak banyak juga di-kehendaki. Kementerian sedang menjalankan usaha² lanjut untuk mengetahui apa yang di-buat oleh para pelatih ini dan dalam hubungan ini menafa'at kira-nya pehak yang berkenaan memberi lebeh banyak kerjasama.

Terdapat juga majikan datang ka-Institusi ini untuk memilih para pelatih dari mereka yang sedang berlatih.

Kursus² Teknik Pengajaran

Kursus Teknik Pengajaran bertujuan memperbaiki teknik² perhubungan di-antara para pengajar dengan para pelatih baik dalam Instituti² latihan mahu pun dalam sharikat² perusahaan. Oleh sebab kursus² ini buat masa ini terbuka kepada kakitangan² pengajar dari sektor² awam dan swasta, soal pekerjaan sa-telah habis latihan tidak timbul.

(c) *Bilangan pengajar²:*

Kakitangan Pengajar di-Institusi Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur

Kakitangan Tempatan—

Pengajar Kanan ...	...	2
Pengajar ...	...	27

29

Kakitangan Asing—

Pengajar Sukarela dari Jerman ...	...	1
Pengajar Sukarela dari Jepun ...	...	1
Pengajar Sukarela dari Amerika Sharikat ...	...	2
Pengajar di-pinjamkan oleh Kerajaan India ...	...	5

9

Jumlah Besar ... 38

- (d) Kursus² yang di-ajar dan lain² kursus yang di-ranchang akan di-ajar di-Institusi itu.

Kursus² yang di-ajar di-Institusi Latihan Perusahaan, Kuala Lumpur.

Latihan dalam ketukangan berikut ini di-beri :

(A) *Mekanik*

1. Mekanik Am
2. Pemesin Am
3. Mekanik Kereta Motor (termasuk Injin Disel)
4. Kimpalan
5. Mekanik Loji Pembinaan

(B) *Letrik*

1. Gagasan Letrik
2. Lilitan Angker
3. Gagasan Letrik dan Lilitan Angker
4. Juruletrik
5. Rawatan Radio dan T.V.
6. Penyejukan dan Penyejukan Udara

(C) *Bangunan*

1. Terapan Bata
2. Pertukangan Kayu dan Tangan
3. Pertukangan Paip

(D) *Perchetakan*

1. Mengator Huruf dengan Tangan
2. Mangator Huruf dengan Mesin
3. Perchetakan (Mesin) Letterpress
4. Penjilidan Buku

Kursus² dalam ketukangan² berikut sedang di-ranchangkan :

Mekanik

Pertukangan Logam

Perchetakan

Perchetakan Offset

Kemungkinan mengadakan kursus² latihan dalam ketukangan² berikut sedang di-tinjau :

Mekanik

Menggegas

Membuat perkakas

Membuat pela

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah boleh agak-nya pelajar² atau pun orang² yang menerima latihan di-Institusi ini untuk membuka perusahaan-nya sendiri dalam bidang kursus yang mereka ambil dan memuaskan keadaan?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu bergantung kepada pelatoh² itu.

Tuan Goh Hock Guan: (Dengan izin) Supplementary question, Mr Speaker, Sir. Will the Honourable Minister kindly inform the House whether the number of trainees which has been produced by the Institute is sufficient for the present needs of our industries—I believe that there is a great shortage of these skilled people at the moment—and should not the number of trainees be 10 times than what is being now produced?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, itu pada pendapat saya soalan lain dan Ahli Yang Berhormat itu boleh dapat angka²-nya di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua.

Tuan Goh Hock Guan: Supplementary question again, Mr Speaker, Sir. There are, in addition to the Institute of Industrial Training run by the Government, a number of private commercial institutes. What is the policy of the Government in relation to these private institutes? Is the Government giving them encouragement and aid or is Government seeing them as a group of competitors against the Institute of Industrial Training?

Tuan Lee San Choon: (Dengan izin) As the Honourable Member is aware—and if he is not aware, he should be aware now—this Training Institute does not come under the Ministry of Labour, it is a private institution, and surely he does not expect me to answer the question.

Tuan Haji Ahmad bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana sangat kurang tempat latihan, saya ingin mendapat tahu bila-kah agak-nya ranchangan Instituti Latihan Perusahaan di-kawasan Prai, Butterworth akan di-bena?

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengumumkan Instituti ini beberapa lama dahulu dan kita harap mudah²an dapat memulakan projek ini pada tahun hadapan.

BUROH² DALAM PERUSAHAAN²— BILANGAN

9. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan berapa bilangan buroh² yang bertugas dalam perusahaan², kerja pembangunan dan dalam lapangan teknikal dan berapa bilangan yang di-perlukan dalam masa lima tahun yang akan datang.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tidak menyebut dengan khusus apa-kah jenis perusahaan tentang mana beliau meminta maklumat itu. Bagaimana pun, untuk maklumat-nya, suka saya menyatakan bahawa dalam tahun 1970, kira² 270,000 orang bekerja dalam perusahaan² membuat barang, 103,000 orang bekerja dalam bidang pembangunan atau pembinaan, dan dalam lapangan teknik atau dalam perkhidmatan letrik ayer dan perkhidmatan kesihatan sa-ramai 19,000 di-ambil bekerja. Menjelang akhir Rancangan Malaysia Kedua di-jangka bahawa 378,000 orang akan bekerja dalam perusahaan membuat barang 133,000 dalam pembinaan dan 23,000 dalam perkhidmatan² letrik, ayer dan perkhidmatan kesihatan. Sa-waktu ini, tidak-lah dapat di-nyatakan berapa ramai daripada mereka dalam ketiga sektor ekonomi ini ia-lah buroh dan pekerja² separoh mahir. Akan tetapi, suatu kajian telah di-lakukan pada tahun 1966 tentang struktur² pekerjaan dalam bidang ekonomi Malaysia, dan di-dapati bahawa dalam perusahaan membuat barang termasuk lombong dan kuari, 58 peratus daripada mereka yang bekerja ada-lah pekerja² separoh mahir atau pekerja² tidak mahir. Dalam kerja² pembangunan atau pembinaan peratus-nya pula ia-lah 33.6% dan dalam lapangan teknik atau dalam perkhidmatan letrik ayer dan perkhidmatan kesihatan, peratus pekerja² separoh mahir dan tidak mahir daripada jumlah yang di-ambil bekerja ia-lah 38.4%. Tentang perkembangan dari 1965 sampai 1970 atau dari 1970 sampai 1975 tidak ada maklumat tegas dapat di-beri. Harus barangkali perkembangan teknik telah membawa beberapa

perubahan sejak tahun 1966. Bagaimana pun di-bayangkan bahawa peratus buroh dalam sektor² ini tidak akan mengalami perubahan yang besar.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² ARKIB NEGARA (PINDAAN)

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani ia-itu suatu Akta bagi meminda Akta Arkib Negara tahun 1966 di-bachakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang² ini sa-bagaimana yang tersebut di-dalam kenyataan penerangan ia-lah untuk meminda Sekshen 5 Sekshen-kecil (1), Sekshen 8 Sekshen-kecil (1) dan Sekshen 12 Akta Arkib Negara No. 44 tahun 1966. Semenjak berjalan-nya Undang² ini yang di-kuatkuasakan daripada 31hb Ogos, 1966 pengalaman menggunakan Undang² ini selama empat tahun yang lalu menunjukkan bahawa ada beberapa perkara yang perlu di-perkemaskan lagi:

- (a) Pertama ia-lah mengenai susunan Lembaga Penasehat Arkib Negara bagi menyelaraskan dengan amalan Lembaga² lain yang sa-umpama-nya. Ada-lah di-fikirkan perlu Lembaga itu mempunyai sa-orang Pengerusi yang asing dalam mana Pengarah Arkib Negara dudok sa-bagai sa-orang ahli EX-OFFICIO;
- (b) Kedua-nya, Undang² ini sekarang berkehendakkan semua rekod² Kerajaan di-pindahkan ka-Arkib Negara apabila rekod² ini berusia 25 tahun. Rekod² yang berusia 25 tahun ka-atas itu akan menjadi "Arkib Awam" dan bukan untuk kajian orang ramai. Ada-lah di-rasakan perlu bahawa rekod² tersebut di-pindahkan ka-Arkib Negara pada masa usia-nya 20 tahun ia-itu 5 tahun sa-belum rekod² sampai usia untuk di-buka lagi bagi perhatian orang ramai, supaya Arkib Negara dapat memperoses dan membuat perseediaan yang perlu untuk membolehkan rekod² itu di-gunakan oleh penyeli-dek²;

(c) Ketiga-nya, Undang² Arkib Negara tidak mengandongi peruntokan yang tegas bahawa rekod² yang berusia kurang daripada 25 tahun yang maseh berada di-Pejabat² Kerajaan tidak boleh di-berikan untuk kajian orang ramai. Bagi memastikan supaya semua pegawai mematohi betul² tempoh sa-lama 25 tahun itu, maka mustahak-lah peruntokan ini di-adakan sa-chara khusus.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya di-luluskan usul ini bagi bacaan kali kedua.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Tuan Haji Yusof bin Haji Abdullah (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bukan-lah hendak membangkang Akta bagi meminda Akta Arkib Negara tahun 1966 ini. Sudah sewajar-nya-lah menyelaraskan Lembaga ini dengan Lembaga² yang lain mempunyai sa-orang Pengerusi sendiri. Dengan Pengarah Arkib Negara sebagai sa-orang Ahli Ex-Officio-nya kerana demikian di-harap Lembaga ini boleh bergerak dengan lancar. Di-samping itu, Tuan Yang di-Pertua, suka-lah saya mengambil peluang menchadangkan supaya Arkib Negara ini membentok satu Jawatankuasa Kechil untuk membuat satu senarai atau catalogue atau apa yang di-namakan bibliography nama² buku yang telah di-terbitkan di-negara kita ini. Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sudah ada catalogue yang demikian, tetapi terbatas memuatkan nama² buku yang baharu sahaja ia-itu buku² yang terbit beberapa tahun kebelakangan ini. Maka sudah sewajar-nya-lah, Tuan Yang di-Pertua, Arkib Negara ini berusaha menyelidek dan sa-terus-nya merekod segala buku² yang pernah terbit di-Tanah Melayu ini, sa-kurang²-nya buku² yang telah terbit sa-sudah peperangan dunia yang pertama sahingga-lah peperangan dunia yang kedua ini dan sa-terus-nya, kerana catalogue sampama ini, Tuan Yang di-Pertua, penting untuk research dan untuk mengkaji sejarah perkembangan persuratan Melayu di-tanah ayer kita ini. Usaha ini atau pembentokan Jawatankuasa Kechil tersebut boleh-lah dibuat dengan meminta kerjasama daripada Dewan Bahasa dan Muzium Negara sa-kurang²-nya, dan wajar sa-kali di-beri kehormatan kepada sastrawan² kita yang ber-

kebolehan menjadi Pengerusi, Jawatankuasa Kechil ini atau pun sa-kurang²nya dudok sama di-dalam Jawatankuasa ini, supaya dengan ini mudah dan bertambah lichin-lah kerja² research dan membuat bibliography itu; sa-muga saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian apa yang saya chadangkan ini. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan di-atas Rang Undang² Arkib Negara (Pindaan), yang dibentangkan di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak-lah hendak berchakap panjang dalam masaaalah ini, hanya ada sedikit perkara sahaja yang saya suka menyentuhkan bahawa di-dalam Arkib Negara ini sudah tentu-lah ada mempunyai banyak rekod² yang tersimpan disana. Dan sa-lain daripada yang tersebut saya harap sa-lain daripada rekod² yang tersebut, ucapan² penting saperti ucapan² dasar yang pernah di-buat oleh Perdana² Menteri, yang telah lalu hendak-lah juga di-simpan di-dalam Arkib Negara ini. Dan begitu juga bukan sahaja ucapan² yang bertulis, bahkan suara² yang di-ucapkan oleh Perdana² Menteri kita di-masa² yang telah lalu hendak-lah juga di-simpan di-dalam Arkib Negara itu, supaya ini akan menjadi satu lambang atau satu kenang²an bagi anak chuchu kita di-masa yang akan datang. Maka oleh kerana itu saya berharaplah kepada Menteri yang berkenaan supaya dapat menerima shor saya ini. Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan Goh Hock Guan (Bungsar): (*Dengan izin*) Sir, I hope the Minister would consider when he sets up the Advisory Board that Members of the Opposition Parties are also included in the Advisory Board. I think we must start somewhere; so often it happens that all these Boards contain invariably only Government Members and I think that is to the disadvantage of the Government and the country.

The second point, Sir, I see that it will take at least 25 years before these public records are made public. That seems to me to be a terribly long time because in 25 years a lot of us won't be around to go into these things—it would be nice if all of us could be around but we won't be around and there will only be our children, who I hope would

be interested — and by which time all these will be purely of historical interest. I have in mind, Sir, for instance, the records of the first Emergency. I suppose these are kept in the National Archives. It may well be that if Members of Parliament and interested people could have access to the events and even the secret documents of what transpired during the first Emergency, there might well be a lot of lessons that we could draw from the first Emergency, so that blessed with the wisdom of hind-sight we will not repeat the same mistakes again. Now, this was a problem which the American nation faced when the Pentagon Papers were revealed. Too many papers were kept for too long in the National Archives, and worst still, it was classified, highly classified, and I suppose most of our documents are also highly classified, a lot of which are undoubtedly very innocuous files purely of departmental interest and of interest to technicians and scholars. I don't see why these should be kept for so long. So would the Minister consider releasing these records to the public within five years or even earlier, if necessary.

The other thing I would like to bring forward is this, and I suppose this might come under the purview of the Arkib Negara, and that is, Sir, there are a lot very good historical buildings in this country, very good and old, and if we don't look after these buildings, very soon, I am afraid, the onslaught of age and weather would demolish our historical structures altogether from this country.

There are, for instance, many beautiful Malay buildings, old Malay architecture in Sri Menanti and other places in this country, and I feel that there is not enough care given to the preservation of our national treasures—not only Malay architecture but also some very good Chinese temple architecture in this country and the same with Indian architecture in this country. If we want to establish a national culture out of the fusion, out of synthesis of the best of our various heritages, I think we should locate all these national historical buildings, look after them and turn these into national treasures available to our people and also to the tourists. Thank you.

Dato' Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang² terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Star

Selatan dan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan berkenaan dengan shor² yang dikemukakan dalam perbahathan Rang Undang² ini.

Berkenaan bibliography perkara ini sudah di-kajikan oleh Arkib Negara. Barangkali ini belum kemas lagi, tetapi saya akan ambil perhatian apa² yang di-katakan-nya tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Star Selatan.

Berkenaan ucapan² dari pembesar² yang lama, ini sudah ada dalam simpanan Arkib Negara. Fasal suara²-nya itu, saya tidak berapa tahu ada-kah ada atau tidak, tetapi saya ingatkan, filem yang sudah di-tunjokkan kepada orang ramai berkenaan Peristiwa UMNO 25 tahun; ada juga dalam perjumpaan itu suara² bekas Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Jadi, saya fikir tidak payah-lah ini di-buat, kerana ini sudah ada, tetapi Arkib Negara akan memerhatikan untuk di-bawa supaya di-simpan dalam Arkib Negara.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I would like to reply to the Honourable Member for Bungsar concerning his suggestion on the formation of the Advisory Board. It is a non-political organisation, it is largely advisory and we will bring into it those persons who are best qualified to advise us on the processing of the Archives and on the preservation of the Archives, and I can assure the Honourable Member that politics do not enter into it at all. It is largely an intellectual organisation more than a political organisation.

With regard to his query on the period of 25 years, 25 years is considered to be long enough for these records to become historical. If it is not historical, it would not go into the Archives—that is precisely what it is. Current records, if there are of use, can be referred to in many other places, in the departments concerned, if the people are interested in them, or in libraries. The Archives are meant for historical records and 25 years is deliberately put as the period because by that time, as the Honourable Member has stated, those persons who are concerned in the records are dead and will no longer be embarrassed by people looking at the records. That is why the period of 25 years has been fixed.

With regard to buildings, I am sure the Ministry of Culture will look into this because it is more in the sphere of the Ministry of Culture than in my Ministry.

I think I have covered all the points raised by Honourable Members and I therefore commend this Bill to the House.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa

Rang Undang² di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² KAWALAN SEWA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan suatu Rang Undang² yang bergelar Undang² bagi Meminda Akta Kawalan Sewa tahun 1966 di-bachakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pada per-tengahan tahun 1970, Kementerian saya telah mengkaji soal mengadakan galakan² pada pembangunan² dalam kawasan Perbandaran Kuala Lumpur, terutama-nya dalam kalangan premis² terkawal oleh Akta Kawalan Sewa, 1966, kerana pem-bangunan² dalam kawasan Perbandaran Kuala Lumpur tidak-lah begitu memuaskan. Ada-lah di-dapati bahawa pembangunan premis² terkawal tidak begitu memuaskan ia-lah kerana syarat² yang terdapat dalam Akta Kawalan Sewa, 1966 bagi mengambil milek sa-mula premis² terkawal bagi maksud pembangunan bukan sahaja sukar di-patohi tetapi juga memakan masa yang lama.

Untuk mengatasi masaaalah² itu suatu pin-daan kepada Akta itu telah di-buat melalui Ordinan No. 53 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970, yang mengadakan suatu peruntukan baharu, ia-itu Sekshen 18A, kepada Akta itu yang bertujuan untuk mengadakan achara yang lebih mudah bagi mengambil milek sa-mula premis² terkawal dalam kawasan Perbandaran Kuala Lumpur bagi maksud pembangunan.

Sa-belum pindaan tersebut di-kuat-kuasa-kan pada 22hb Oktober, 1970, tuan tanah mana² premis terkawal yang hendak meng-ambil milek sa-mula premis itu bagi maksud pembangunan hendak-lah mematohi perun-tokan Sekshen 18 Akta itu dan Tribunal Sewa yang di-tubuhkan di-bawah Sekshen 12 Akta itu, boleh, sa-telah menimbangkan per-mohonan itu membuat suatu perentah atau enggan membuat suatu perentah bagi mem-benarkan premis itu di-ambil milek sa-mula. Chara itu memakan masa yang lama dan oleh itu tuan tanah mana² premis terkawal enggan mengambil langkah² bagi mengambil milek sa-mula premis terkawal itu untuk maksud pembangunan dan akibat-nya pem-bangunan di-kawasan Perbandaran Kuala Lumpur itu tidak begitu pesat.

Rang Undang² ini hanya bertujuan untuk memasukkan pindaan kepada Akta Kawalan Sewa, 1966 yang telah di-ishtiharkan sa-bagai Ordinan No. 53 (Kuasa² Perlu) Dharurat, 1970 itu dalam Undang² yang kekal dengan satu pengubahsuaian kecil kepada perbaha-saan "tenant" yang terdapat dalam Sekshen baharu 18A itu supaya termasuk Penyewa Kecil dan Penyewa Bersama. Pengubah-suaian itu ada-lah perlu oleh kerana telah di-dapati bahawa apa² perentah yang di-buat oleh Pesuruhjaya Ibu Kota mengenai sa-suatu permohonan di-bawah Sekshen itu tidak mengikati penyewa² kecil dan pe-nyewa² bersama itu dan dengan itu menjadikan sukar pada prektik-nya untuk menjalankan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menge-mukakan.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Peter Paul Dason (Pulau Pinang Utara): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this Bill which seeks to amend the Control of Rent Act, 1966, like the provisions of the Rent Act itself which dealt with the matter

of recovery of possession for purposes of development, is very favourable to landlords and to contractors who intend to develop or redevelop their premises. It is directed against poor tenants and directed against poor ground tenants also, tenants of dwelling houses—tenants and ground tenants.

Mr Speaker, Sir, thousands of ground tenants have been adversely affected by the Rent Act, 1966. Thousands in my own constituency of Penang Utara have been so affected, and with the passage of this Amendment Bill, Mr Speaker, Sir, thousands more in the Municipality of the Federal Capital will also be adversely affected. What is shocking, Mr Speaker, Sir, is the definition in sub-section (13) of this new Section 18A—the last line, “and the expression ‘tenant’ includes a sub-tenant and a joint-tenant”. This definition of the word “tenant”, Mr Speaker, Sir, which includes a sub-tenant and a joint-tenant is only applicable where the landlord intends to recover possession of rent controlled premises. That definition does not apply in other places—“Recovery of possession of rent controlled premises for the purpose of development”. Why is this difference? A landlord who wants to recover possession from a tenant who has failed to pay rent or committed breaches of his tenancy agreement, he has to serve the summonses, the notices to the sub-tenants and to the joint-tenants, but where it involves a landlord or a contractor who has recently bought the premises and intends to redevelop the place, a sub-tenant or a joint-tenant, even though not served with a summons or notice to vacate, is affected by the order to vacate. I think this is grossly unfair. It would appear that the Bill deliberately intends to help landlords and big-time developers.

Mr Speaker, Sir, Clause (b) of sub-section 2 of Section 18A read thus:

“In the case of a controlled premises or any part thereof which when originally let consisted of vacant land but there has since been erected thereon a building or buildings of a temporary character, an amount equal to the total of four years ground rental”.

In practice, this is what will happen, Mr Speaker, Sir. A man goes to a landlord who owns some vacant land, approaches him and asks for permission to occupy the land and to put up a premises, to stay in it, to build

his home in it, ground rental may be \$5, \$10. The landlord agrees, “You can go in, develop the place, build your house and stay there”, and the man goes in, puts up an attap shed or a house with zinc roof or asbestos roof, spends a few thousand dollars, and what can happen is this. Within six months or a year of his erecting his house, the landlord decides to sell the land to a developer and all that the developer needs to do is to approach a Court for an order to evict this ground tenant under this section and he only needs to pay in terms of compensation four years ground rental at the most. So, if the ground rent was \$5, one year \$60, four years \$240, and that poor man who spent a few thousand dollars to build his home there, has to vacate. He has to demolish his house—he can move his materials—and where is he to go? The compensation provided for in the Rent Control Act, Mr Speaker, Sir, is ridiculously inadequate. It is unfair, unjust.

Mr Speaker, Sir, we recently debated the Second Malaysia Plan and all over the Plan, in the Red Book, we come across the phrase “that the Government intends to improve the living standard of the have-nots in this country”. The Government proclaims all over the place, “it is their intention to help the poor”. Mr Speaker, Sir, ground tenants especially and people who live in controlled premises are poor people, by and large; I do not say each and everyone of them is poor, but the great majority of them are the down-trodden of our society, they are poor. Is this how, Mr Speaker, Sir, we help the poor, by passing this Act? Is this how we improve their living standards, raise their living standards, whereby a contractor, a landlord, can evict a poor tenant and without paying adequate compensation? Is it fair, is it just? In what manner, Mr Speaker, Sir, is the living standards of the poor being raised by evicting them from their homes, homes that may not be luxurious—plain, simple homes, but nevertheless it is their homes—one of the basic necessities of man—shelter. Where are they to go? Remove the buildings, the structures, the materials with which they built their homes—to where? The Government may say, “Well, we are building low-cost flats”. But what happens to the materials he has bought and which he removed from the land to give vacant possession to the landlord—throw them away, lose more money?

Is this how we help them? And are the low-cost flats, Mr Speaker, Sir, really low-cost? It may be low-cost in the sense that it does not cost the Government much, but is it cheap as far as the tenants are concerned? In my constituency, Mr Speaker, Sir, so-called low-cost flats—one room, one little small hall and a kitchen-cum-bathroom—cost \$34 in rental per month, and they have to pay a further \$8 for maintenance. Here is a man who goes into a vacant land, builds his house, pays \$5 or \$6 for ground rental, now he is evicted and has to pay, if he gets one of those flats, \$30 over plus \$8 for maintenance—\$40—a large size of his income is taken away. I cannot understand how Government can reconcile what it is doing by introduction of this Bill and what it has done by the Rent Act, 1966 especially with regard to the provision of "recovery of possession for development purposes", how it intends to reconcile its proclaimed intention of helping the poor.

Mr Speaker, Sir, many a time have I heard the phrase that the Government intends to win the battle for the hearts and the minds of the have-nots. Words and pronouncements of the Government with good intentions, I submit, Mr Speaker, Sir, are not enough. The people, the poor, do not judge the Government by its pronouncements of good intentions, no matter how many times Government Ministers repeat them. But they do judge the Government by the effect of the Government's acts and deeds—the effect of their deeds in their well-being; in what manner does the Government's acts and deeds affect their well-being? Does it cause them hardship? Does it make things difficult for them? Evicting the helpless, poor from their homes without giving them adequate compensation is not calculated, Mr Speaker, Sir, to convince the poor that the Government has their best interest at heart.

Furthermore, Mr Speaker, Sir, as I earlier said, where do they go? The answer may come from Honourable Members seated over that side: the Government is building cheap low-cost houses, cheap low-cost flats. Firstly, they are not cheap, and are there enough such flats? Are there enough low-cost houses? I am afraid not, Mr Speaker, Sir. And these so-called low-cost flats, Mr Speaker, Sir, not every poor man can go and live in. He must have the income, almost \$200! But what about a man with a family

of three or four, whose earning is only \$50!, \$60! or may be \$90! He is not entitled to go to any of these flats. And where does he go if he is evicted?

Mr Speaker, Sir, we in the DAP do not oppose this Bill just simply for the sake of opposition. We do not oppose it blindly. We can appreciate the need for re-development. We can appreciate the need for early recovery of possession of controlled premises for development purposes. We can see the reason for all these. But we cannot support re-development of controlled premises at the expense of the poor and for the benefit of contractors. I could give examples of how contractors have benefitted by this act fantastically, Mr Speaker, Sir. Hundreds of them. Take the example of a land-lord who hasn't got much capital, where he has allowed ten different families to build ten different houses on his piece of land, and he collects \$10 per house in ground rental. One year he gets \$1,200. Comes a contractor or developer. He offers \$50,000 for his land, buys the land, and thereafter goes to court to evict all the tenants—all ten of them. Now, what has he got to pay as compensation? Four years ground rental to each of his tenants—a miserable few thousand dollars.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Aren't you taking the time of the House, Honourable Member, by repeating yourself time and again?

Tuan Peter Paul Dason: Mr Speaker, Sir, I am coming to the end. I could, I said, but I am not going to go into examples. Thereafter the developer makes a lot of money. I therefore, Mr Speaker, Sir, dare not and will not support this Bill. I must and will oppose it.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara): Saya datang ka-Kuala Lumpur dan saya chepat² hendak lari balek kerana planning Kuala Lumpur ada-lah satu planning yang chukup ta' teratai sa-kali.

Dengan ada-nya Bill ini, dapat-lah saya memberi sokongan yang kuat, kerana saya rasa, tujuan-nya ia-lah hendak memodenkan Bandar Raya kita Kuala Lumpur ini. Kita tengok pekan kita berbelit² macham ular sahaja, dan kita tanya kapada diri kita sendiri mengapa-kah bangunan² yang lama hampir² hendak roboh itu tidak di-benakan

sa-mula? Sebab-nya, Dato' Yang di-Pertua, orang² yang menyewa rumah² itu, dia dapat untung besar daripada orang punya rumah itu sendiri. Dia sub-letkan pula ia-itu dia jadi tokeh. Umpama-nya tokeh-nya dia bayar sewa \$300, orang yang menyewa-nya dapat \$900 tiga kali ganda.

Jadi dengan ada-nya Rang Undang² ini, maka tuan punya tanah akan memikirkan dengan chepat-nya merobohkan bangunan yang lama dan kedudukan-nya sa-olah² macham Leaning Tower of Pisa itu yang membahayakan ra'ayat jelata tanah ayer kita ini.

Chukup susah, Dato' Yang di-Pertua, hendak mengambil aleh daripada orang² yang dudok rumah itu kerana undang² itu berputar belit, sana ta' betul, sini ta' betul. Akhir-nya tuan tanah susah hendak mengambil balek harta-nya sendiri, oleh sebab hendak membangunkan rumah yang lebih baik dan terator.

Kalau kita lalu di-Jalan Tuanku Abdul Rahman, barangkali kadang²-nya kita hendak jalan daripada awal sampai akhir akan memakan masa hampir² sa-tengah jam, kerana jalan² di-Kuala Lumpur ini tidak dibuat mengikut planning long-term ia-itu tidak memikirkan motokar begitu banyak dan orang begitu banyak. Dan dengan ada-nya undang² ini, kita boleh robuhkan rumah² yang begitu dudok-nya merbahaya seperti macham Panggong Coliseum dan sebagainya, kerana ini ada-lah untuk faedah ra'ayat jelata bagi lalulintas yang begitu baik dan terator.

Saya teringat satu perkara, Dato' Yang di-Pertua, dukachita saya melihat-nya sungguhpun Bandar Raya kita kedudukan-nya lebih baik sekarang ini, tetapi tumbuh chendawan pula, pondok² durian ia-itu Pondok² Polis. Saya ta' tahu apa fasal Pondok² Polis letak-nya begitu. Itu merosakkan tanah Bandar Raya kita ini. Saya tengok chuma di-Taiwan ada sa-macham ini. Lebih baik Polis² kita dudok di-tempat yang lebih baik, bukan di-pondok yang bagini.

Saya ta' ada apa² lagi bahkan menyokong dengan kuat-nya atas Rang Undang² ini untuk faedah negara kita dan pembangunan, ia-itu memberi rumah² yang lebih baik lagi kepada orang² yang menyewa dan kepada tuan tanah boleh membuat rumah yang

lebih baik dan memberi sedikit untong kepada mereka itu, lebih daripada orang² yang menyewa pada hari ini. Sekian.

Tuan V. Veerappan (Seberang Selatan):
(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I just wish to touch upon a few aspects of this Bill before us. One is that the Rent Control Ordinance which was intended from the very early stages to protect tenants of houses which were built prior to 1948, that is, roughly 23 years ago. But the vast majority of houses and homes that have been built since then and the tenants of these vast majority of houses which have been built since then have no protection whatsoever, and they are left at the mercy of the land-lords. Nevertheless, this Bill here, although it applies only to that small section of the tenants who live in these rent-controlled premises built before 1948, is another example, Mr Speaker, of the dangerous trend that is taking place in our country, which I referred to when I was discussing the labour laws, and that is the great desire, or if I may say so, the fear of the Government of our own Courts, of our own legal system. Our Government seems to have this fear of the Courts and wishes to try and take over, or in fact takes over, the powers of the Courts and arrogates the powers of the Court to themselves.

Now, you will notice, Mr Speaker, that prior to this Bill, as the Bill explains, the power to grant possession of controlled premises was with the Rent Tribunal — it was a special Tribunal, not our ordinary Court. I think I may be correct in saying that there was appeal from the Tribunal to the High Court in certain types of cases — I may be wrong in that, but I think it is so. But here this power from the Tribunal is taken away and given to a man, one man, and that is the Commissioner; and this is done in the name of expediency and speed. Well, I am all for speed. But, on the other hand, is there any provision here for appeal? I am sure if a man should be satisfied with the decision or the order of the Commissioner, he will not appeal. But if he should be dissatisfied, is there any provision in your Bill for appeal? I see there, on the contrary, on page 4, Section 4, Clause (12) says, "Any order made by the Commissioner under this section shall be final and conclusive and shall not be questioned in any Court." Now, this is very bad. It is utterly bad. I cannot imagine how a Government, which professes

to protect the rule of law, should want to take away the powers of the Courts. Why? Are you afraid of our Courts? Are you afraid that the Courts will be impartial? Are you afraid that the Courts will not favour you? Do you want the Courts to favour you? Or have you been convinced that the Courts do not favour the Government? Why is it so? There appears to be no appeal to the Minister. This is very bad indeed, very very bad; and I hope the Minister will reconsider this Bill.

Mr Speaker, coming next to the question of compensation, which was touched by the Honourable Member for Penang Utara, if you read section 4 of the Schedule, Clause 2 (a), it says that in the case of controlled premises used for trade, the rental shall be a total of four years' rental. Normally premises used for trade will have a higher rental and therefore four years' rental may be adequate. But under Clause 2(b) in the case of controlled premises or any part thereof which when originally let consisted of vacant land but there has since been erected thereon building or buildings of a temporary character, the amount shall be also four years' ground rental. Mr Speaker, now it says "temporary buildings". I am sure this term "temporary buildings" has been brought up in Courts and there has been some vague legal definition on "temporary buildings". But most of our buildings which have been erected would come under the category of permanent buildings. Does your Bill provide for this? What do you do? It says here—in such other cases two years' rental. So, are we to assume that if they are temporary buildings it will be four years' ground rental and for permanent buildings, it will be two years' ground rental? That must be ridiculous. I am sure that is not the intention of the Government. So, this shows how the Government has muddled itself and has not been able to see beyond its nose in putting up this Bill. Now, it says "in other cases a total of two years' rental..." That means that residential buildings would come under this category. As has been pointed out, and as I said before, these controlled premises, when they were let in 1948 or prior to that, the ground rent might have been a couple of dollars, maybe fifty cents, and in some cases they are so; and if you were to multiply the rent, say, of even \$2, it will come to \$24 a year and \$48 for two years. That is all that

a man can get. That is the compensation which our Government wants our tenants to get for giving up their premises.

Now, what about the cost of the building? I think, if I remember correctly, the former Act said that where buildings have been erected, the compensation shall be the value of the building or the cost of demolishing and tearing it away. Why? Is there any reason? Can the Minister enlighten this House as to why that is got rid of—you just give him two years' rent?

Now, coming to the third category, it reads:

"Nothing in this section shall entitle either the tenant or the owner of any building erected on a premises which when originally let consisted of vacant land if such tenant or owner does not pay any rent for occupying such premises to claim compensation against him under this section."

Mr Speaker, I agree that this is a repetition of that contained in the former Act. But when we look at it, there are many people who do allow others to build homes, to erect houses, on their own land and let them stay free. That is under licence, you would say. I think, Mr Speaker, you are better aware and many of the Honourable Members in this House are better aware than myself that most of our kampong people who live in kampongs never pay rent. They may be relatives, they may be friends, and it is their natural way and their usual traditional way in which our people in the kampongs help one another. They never collect rent from their own people who live in the kampongs and this must be true. If it is so, all those people, Mr Speaker, who live in our kampongs who live rent-free will not be entitled to one cent rent, one cent compensation. Is this what the Government wants? Have you thought about it? Now, Mr Speaker, some of these people who allow others to stay rent-free do so not because of their love for those, not because they want to allow others to have shelter, but because it does happen that they want the person to take care of their land, to develop the land in some way, thereby the land improves, because there are people saying that the value of their land also does improve. Sometimes swamps are filled by these people. Uninhabitable lands are made habitable and for doing all these, they get nothing. The law,

the common law, I believe, allows that if a man allows somebody to build on somebody's land, if the owner allows another person to build on his land, then he must pay some form of compensation to him. But here even the common law right to the tenant is taken away by a Government elected by the people for the people. I am ashamed. Thank you very much, Mr Speaker, Sir.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh²-nya Rang Undang² ini.

Memang kita hendak Kuala Lumpur lebeh chantek, lebeh molek dan terator, tetapi orang² yang di-keluarkan oleh landlord daripada rumah² yang di-sewa-nya ini apabila dia keluar daripada rumah² ini—ka-mana dia akan pergi. Sunggoh pun Kerajaan mendirikan beberapa banyak flat² di-Kuala Lumpur tetapi ta' chukop flat² ini. Sunggoh pun dia dapat compensation beberapa tahun katakan-lah empat tahun atau dua tahun, compensation² yang di-dapati ini, kayu² yang tinggal yang telah burok tadi yang hendak di-bawa ka-tempat lain, tanah²-nya tidak ada, mithal-nya di-Kuala Lumpur. Dengan sebab itu orang² ini adalah sengsara. Dengan hal yang demikian, saya menhadangkan, ia-itu kita hendakkan supaya pekan kita berseh, terator dan molek, tetapi apabila developer, atau contractor, atau landlord ini membuat rumah² ada-lah di-kehendaki membuat peratoran, ia-itu yang pertama sa-kali hendak-lah di-beri kapada pesewa² dahulu, baik kedai atau pun rumah.

Kedua-nya Kerajaan apabila membuat flat² di-bandar Kuala Lumpur ini mesti-lah di-beri keutamaan atau preference kapada orang² yang di-halau keluar daripada rumah² ini—keluarkan daripada rumah² ini tadi. Saya menengok bagaimana keadaan di-Kuala Lumpur, di-belakang Batu Road, yang sa-tengah² tanah itu di-punyai oleh landlord², barangkali sa-tengah Ahli² Yang Berhormat menengok bagaimana keadaan, bagaimana tindakan yang di-ambil oleh Pesurohjaya Ibu Kota terhadap rumah² ini.

Apabila kita pandang begitu, saya sa-bagai manusia, saya terasa sangat-lah sedih—rumah-nya di-kopak, di-bulldozer, kemudian di-bakar. Jadi, saya fikir kalau undang² ini di-buat, memang undang² ini di-buat untuk kebaikan. Undang² ada-lah

di-buat oleh manusia untuk kebaikan, tetapi sunggoh pun begitu untuk kebaikan ra'ayat juga mesti di-tengok. Jadi saya harap sa-belum satu² projek itu, projek² ini di-jalankan oleh developer, maka rumah² pangsa² ini di-dirikan lebeh banyak lagi di-Kuala Lumpur ini oleh Kementerian yang bertanggung-jawab kerana mereka² ini boleh-lah masok ka-dalam flat² ini. Sa-lain daripada itu di-dalam Sekshen 18A (2). Di-sini ada mengatakan:

The Commissioner shall, as soon as possible but not later than ninety days of receipt of an application

tidak boleh lebeh daripada 90 hari. Di-dalam sekshen 18A (8), jikalau mithal-nya sa-suatu tenant atau pun landlord kalau dia tidak membuat rumah di-dalam 6 bulan atau pun tenant ini tidak keluar daripada tanah itu di-dalam tempoh 6 bulan yang di-beri notis, maka dia boleh di-jel satu tahun atau pun di-denda tidak lebeh daripada sa-puloh ribu ringgit.

Tetapi jikalau Pesurohjaya Ibu Kota mithal-nya, tidak membuat kerja-nya sa-lewat-nya 90 hari, kalau dia buat lewat bagaimana pula, apa tindakan Kementerian terhadap-nya? Oleh kerana kalau di-lambat²kan pekerjaan ini—jadi saya harap Kerajaan, Kementerian mesti-lah bertimbang rasa kapada pegawai², tenant dan landlord.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kalau-lah di-Kuala Lumpur ini orang² Melayu terutama sa-kali daripada luar bandar banyak sangat datang ka-Kuala Lumpur membuat rumah sa-chara haram—di-katakan setinggian. Oleh kerana bekerja di-factory² untuk menchari makan di-sini, kalau rumah² mereka ini di-roboh²-kan, ka-mana dia akan tinggal—akhir-nya barangkali Kuala Lumpur huru-hara nanti. Dengan sebab itu, saya harap-lah pada Menteri yang bertanggung-jawab mendirikan sa-berapa banyak flat² di-dalam Rancangan Lima Tahun Yang Kedua ini, rumah² flat yang akan di-dirikan di-bandar Kuala Lumpur ini. Sekian, terima kaseh.

Dato' Ong Kee Hui: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I am really surprised that a small amendment to an existing Act should generate so much heat in this House. The Honourable Member for Pulau Pinang Utara and the Honourable Member for Seberang Selatan have pointed out the plight

of the tenants who are going to be affected by this Bill if it is passed. I would like to say that this is only an amendment to an existing Act of Parliament, which has been made because we have found in the process of administering the Act that there are certain defects which need to be gone into and therefore we have in consolidating this Act into permanent law made a few minor amendments in order to make the Act function more expeditiously as it was intended to do.

Mr Speaker, Sir, the Rent Control Act was to protect tenants, but over the years Government, not only this Government but also other Governments, have found that it weighed too heavily on the side of the tenants, so much so that it was not only grossly unfair to the landlords but also has been an obstacle to development. This was what had been found in this country, so that steps had to be taken to redress the balance a bit in favour of the landlords, not because we are not unsympathetic with the plights of many tenants, and it is for that reason that, although there have been considerable agitation for the removal of the Control of Rent Act altogether, the Government had in fact retained it and had only made such amendments as is thought proper, so that while still giving protection to tenants it does not impede development.

To the Honourable Members who have spoken in opposition to the Bill, all I can say is you cannot make omelets without breaking eggs—that is all there is to it. Somebody has to suffer, either one side or the other, and if we want progress, any one who stands in the way of progress and development will have to give way. This is the unfortunate and stark reality of life and we must accept it. While we do this, at the same time we are not unconscious of the plight of those people who have been affected and it is precisely for that reason that we have under the Second Malaysia Plan provided for a large sum of money under Housing. And it is in order to speed up this process of development for housing that this particular amendment has been put forward.

It is the intention of the Government to carry out the process of urban renewal and urban development in Kuala Lumpur, and

in order to hasten that process it is necessary that certain defects in the Act should be amended.

Under the Malaysia Plan, we do not entirely envisage that Government will carry out all the development. Emphasis is also put on the role of the private sector and if the private sector is to play its role in development, we must ensure that they are not hampered by the processes of the law which they have to go through in order to carry out their development. The present system of recovering rent controlled premises for development as set out in the law, that is, Section 18 of the Control of Rent Act, 1966, was too restrictive and too cumbersome.

Dealing with Section 18 (1) (a), compliance of these requirements was a very expensive and time-consuming operation, expensive and time-consuming in the sense that the Kuala Lumpur Rent Tribunal interprets the word "plan" in that Section as meaning an approved plan which must consist of architectural, sanitary and R/C drawing designs, and the preparation and approval of such a plan could involve an initial expenditure of some 10 per cent of the capital outlay and may take at least ten months for the plan to be approved.

Again compliance with Section 18 (1) (b) could mean the tying down of hard cash for additional expenditure. The Kuala Lumpur Rent Tribunal requires the applicant—that is, the landlord—to either produce a banker's statement certifying that the applicant has the necessary funds for the proposed development deposited with the bank or, alternatively, produce a banker's guarantee for the amount of the proposed development. In the former case, it means tying down of capital, and in the latter the payment of approximately 3 per cent interest per annum for the privilege of having a banker's guarantee from the time of filing the application and the date of decision on the matter, which sometimes may take as long as one year.

On Section 18 (1) (c) the three months' period which was given is not practical and therefore we have to increase the period to six months. Even if an applicant had complied with the three requisites of Section 18 (1), there would be no guarantee that he would regain possession of the controlled

premises because of the provision of Section 18 (2), which provides, *inter alia*, that the Tribunal may make an order or refuse to make an order. This provision creates:

- (a) an element of risk, and this could be considered as a strong factor influencing a landlord's decision to redevelop his property;
- (b) minor technical details such as having to submit an undertaking required under Section 1 (c) at the time of filing the application, although the terms of requirements was stated in the application itself—application to be signed by the solicitors on behalf of the applicant and not by himself;
- (c) a slight change in the designation of the applicant's company in his application from that shown under the plan;
- (d) legal expenses amounting to the extent of \$3,000 due to postponements, adjournments, etc.;
- (e) tying down of capital which could be better utilised during the interim period and requirement of the Tribunal that funds should be made available at the time of filing the application, and not on the date of hearing;
- (f) the long delay in obtaining approval of building plans and other plans, which must be presented on the date of filing the application;
- (g) requirement by the Municipality that the developer must obtain N.E.B. clearance for the supply of electricity, which involves the developer to pay a capital contribution for the supply, or, alternatively, provides space either within or without or under the building for the construction of a sub-station, which space normally averages about 15 feet by 20 feet. (This condition hit the developers hard).

All these difficulties in the way of the developers, we hope, would be obviated if this amendment, which we seek in this Bill, is passed by this House.

I would say, in reply to the Honourable Members for Larut Utara and Kuala Selangor, that we much appreciate the points they have made. These will receive the attention of the Ministry and certainly we

would see to it, if we expect the developer to fulfil certain conditions, that the Municipality on their side would comply with the requirements of the law. •

With that, Sir, I move that this Bill be read a second time.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sebagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 3 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² PERUBATAN

Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

